

01 JUN 1996

Agong-Keputeraan

AGONG SERU RAKYAT TINGKATKAN PRODUKTIVITI BAGI JAYAKAN RMK7

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini bertitah bahawa peningkatan produktiviti merupakan faktor utama dalam menjayakan matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) di samping peningkatan kemahiran dan etika kerja.

Seri Paduka bertitah bagi melaksanakan rancangan pembangunan negara lima tahun itu, kerajaan dan swasta perlu memberi penekanan kepada perkara-perkara berhubung pendidikan, latihan dan pemupukan nilai-nilai mulia.

"Beta sedar dan berbangga bahawa pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam oleh kerajaan telah menempuhi kejayaan cemerlang dan dengan itu Rancangan Malaysia Ketujuh dapat dimulakan dengan penuh azam," titah Tuankus Ja'afar pada Majlis Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Seri Paduka di Istana Negara, di sini.

Seri Paduka bertitah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jemaah menteri berperanan penting dalam menentukan pendekatan terbaik bagi pelaksanaan rancangan itu.

"Kecekapan dan kematangan Menteri-menteri dapat menyelamatkan rancangan-rancangan yang tergendala atau bermasalah sepanjang masa Rancangan Malaysia Keenam dilaksanakan," titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong turut menyentuh mengenai isu pendidikan, iaitu peranan pendidikan peringkat tertinggi dalam menyumbang kepada keperluan tenaga manusia terlatih untuk pembangunan ekonomi negara.

Menurut Seri Paduka dalam usaha menggalakkan pendidikan tinggi di kalangan rakyat, sektor swasta dan awam perlu berperanan dengan lebih berkesan melalui pindaan terhadap peruntukan Akta Universiti dan Kolej.

Mengenai perkembangan perindustrian, Seri Paduka bertitah bahawa kaum Bumiputera perlu melibatkan diri dalam perusahaan kecil dan sederhana kerana kepentingan industri berkenaan dalam membekalkan komponen untuk industri besar.

"Pada masa yang sama, pelaburan asing masih diperlukan sementara pelabur Malaysia hendaklah melabur di negara asing untuk lebih mengenali negara-negara ini dengan potensi pasarannya," titah Seri Paduka.

Menurut Seri Paduka lawatan yang dilakukan oleh Dr Mahathir dan menteri-menteri dan disertai pelabur Malaysia ke negara berkenaan boleh menolong strategi itu.

Seri Paduka turut menegaskan mengenai kepentingan peranan institusi keluarga dalam mewujudkan kesejahteraan hidup.

"Sungguhpun proses perindustrian lazimnya membawa pengaruh-pengaruh yang negatif, rakyat harus berfikiran matang dan wajar di samping berpegang teguh kepada sistem kekeluargaan," titah Seri Paduka.

Menurut Seri Paduka prinsip kekeluargaan yang normal dengan nilai-nilai menghormati golongan lebih tua serta sifat penyayang harus dipupuk di kalangan rakyat terutamanya golongan muda.

"Beta percaya dengan keteguhan keluarga dan hubungan sosial yang baik, Malaysia mampu maju ke hadapan dan mencapai Wawasan 2020, iaitu menjadi negara maju dalam bentuk dan acuan sendiri," titah Seri Paduka.

Seri Paduka juga menyentuh mengenai peranan pasukan angkatan bersenjata yang bertugas menjaga keamanan dan keselamatan negara dengan baik serta perpaduan di antara kaum yang merupakan asas utama kejayaan negara pada masa ini. -- BERNAMA

RAZ NAK

